



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**PROGRAM LARIAN OREN BERSEMPENA DENGAN  
HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA TAHUN 2024**

**LOKASI / TARikh / MASA**

**DATARAN GEMILANG, PUTRAJAYA  
23 NOVEMBER 2024 (SABTU)  
7.00 PAGI**

*Kemas kini 15 November 2024*

## **(A) PENDAHULUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

Hadirin yang saya hormati,

1. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang penuh ceria ini, dalam Program Larian Oren bersempena dengan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita Tahun 2024.

2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pengajur program ini, iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN), JomRun Sdn. Bhd., United Nations Population Fund (UNFPA), Shopee, Malaysia Aviation Group (MAG) dan Kimberly Clark atas komitmen dan kerjasama dalam pelaksanaan program larian ini.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta larian yang sudi meluangkan masa hujung

- minggu untuk hadir dan memberikan sokongan kepada program larian ini. Komitmen seperti ini yang dimahukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam usaha menyokong kempen menangani keganasan terhadap wanita.
4. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini amat bermakna dan menunjukkan lambang solidariti kita semua bagi memperkasakan dan memberikan kesedaran serta melindungi wanita daripada sebarang bentuk keganasan dan penganiayaan.

**(B) HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA  
(ELIMINATE VIOLENCE AGAINST WOMEN - EVAW)**

Hadirin yang saya kasihi,

5. Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita kali ini merupakan kali yang ke-15 diadakan sejak program sambutan ini diperkenalkan oleh KPWKM pada tahun 2009. Tarikh 25 November telah diiktiraf sebagai Hari Menangani

Keganasan Terhadap Wanita melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 2000.

6. KPWKM melalui JPW telah menggerakkan Kempen *Eliminate Violence Against Women* (EVAW), yang merupakan kempen sepanjang tahun untuk memastikan agenda menghentikan keganasan terhadap wanita ini, dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh, seiring dengan aspirasi pada peringkat antarabangsa.

7. Sepanjang tahun 2024, setakat bulan Oktober, JPW telah melaksanakan 30 program advokasi menangani keganasan terhadap wanita dengan penyertaan lebih 5,000 peserta (5,218 orang). Pelaksanaan program ini adalah usaha berterusan Kementerian untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu keganasan terhadap wanita.
8. Tema Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada peringkat antarabangsa bagi tahun ini ialah “*Towards 30 years of The Beijing Declaration and Platform for Action: Unite to End Violence Against Women*”. Warna tema oren atau

jingga juga telah dipilih sebagai warna lambang solidariti bagi menyokong inisiatif UniTE ini.

### **(C) PROGRAM LARIAN OREN**

Para peserta larian yang saya kasihi,

9. Larian Oren 2024 merupakan program larian yang julung kali KPWKM adakan. Program ini berkonsepkan kesaksamaan gender yang boleh disertai oleh sesiapa sahaja, bukan untuk wanita semata-mata. Penglibatan peserta lelaki dalam

program larian ini menunjukkan tanda sokongan kaum lelaki dalam usaha bersama-sama menghentikan keganasan terhadap wanita. Saya difahamkan seramai lebih 3,000 peserta larian yang akan berlari pada pagi ini dan ini menunjukkan satu tanda sokongan yang sangat memberangsangkan daripada tuan-tuan dan puan-puan terhadap kempen ini.

10. Dalam program sambutan pada hari ini, kita telah menyusun pelbagai aktiviti bermanfaat seperti pemeriksaan kesihatan, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang menawarkan

- perkhidmatan psikososial kepada peserta, rruai jualan, rruai agensi KPWKM dan juga rruai daripada pelbagai agensi yang terlibat secara langsung untuk menawarkan perkhidmatan berkaitan dengan kempen menghentikan keganasan terhadap wanita. Para peserta boleh melawat rruai ini dan mendapatkan info dengan lebih lanjut dan tepat.
11. Kami di KPWKM berharap dengan penganjuran program seumpama ini dapat memberikan kesedaran dan manfaat kepada para peserta kerana perlakuan keganasan terhadap

wanita bukanlah isu yang dialami oleh wanita semata-mata tetapi satu jenayah dan memberikan kesan besar terhadap institusi sosial dan negara kita.

12. Melalui program ini juga, saya berharap kesedaran dan pemahaman berhubung dengan isu penganiayaan terhadap wanita dapat ditingkatkan, selain penyebaran maklumat berkaitan dengan saluran aduan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan.

**(D) PENUTUP**

13. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mendukung usaha menangani keganasan terhadap wanita dan melindungi wanita daripada segala bentuk keganasan dan diskriminasi.
14. Saya selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif bagi melindungi kaum wanita dan seterusnya memartabatkan agenda pemerkasaan wanita negara.

15. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Larian Oren Sempena Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita.**  
**Sama-sama kita hentikan keganasan terhadap wanita!**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**23 November 2024**